

03 JUN 2001

Daim-Kehilangan

PELETAKAN JAWATAN DAIM SATU KEHILANGAN BESAR KEPADA NEGARA

LANGKAWI, 3 Jun (Bernama) -- Peletakan jawatan Tun Daim Zainuddin sebagai Menteri Kewangan adalah satu kehilangan besar kepada negara, kata Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Seri Nazri Abdul Aziz hari ini.

Nazri yang memangku jawatan Menteri Kewangan semasa Daim bercuti selama dua bulan yang berakhir 31 Mei, berpendapat Daim meletakkan jawatan kerana janjinya dulu untuk sementara waktu memegang jawatan itu bagi membantu memulihkan ekonomi negara.

"Pemulihan ekonomi telahpun dilakukan beliau dan hajatnya untuk menarik diri itu adalah hak beliau", katanya kepada pemberita selepas merasmikan restoran "The Lighthouse" di Pantai Tengah di sini.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Daim meletakkan jawatan berkuatkuasa Jumaat lepas bagaimanapun tiada sebab diberikan dalam surat peletakan jawatannya itu.

Nazri berkata beliau berasa pilu dengan keputusan Daim kerana dalam masa yang pendek sebagai anggota kabinet, beliau mendapat banyak pengalaman daripada Daim yang sememangnya seorang yang pakar dalam soal ekonomi.

Katanya tidak berbangkit soal beliau sebagai calon menggantikan Daim kerana beliau cuma mewakili Daim dalam jemaah menteri menjalankan kerja-kerja rutin.

Nazri berkata ramai lagi calon yang boleh dilantik memegang jawatan menteri kewangan dan siapa juga yang dilantik adalah hak Perdana Menteri.

Sementara itu di KUALA LUMPUR, Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk G.Palanivel berkata peletakan jawatan Daim tidak akan melemahkan ekonomi dan sistem kewangan negara.

Asas ekonomi Malaysia tidaklah begitu lemah sehinggakan ia boleh jatuh hanya kerana seorang ahli politik meninggalkan kabinet, katanya kepada pemberita selepas menghadiri upacara penyembahan di Kuil Sri Raja Rajeswary.

"Beliau masuk (dalam kabinet) ketika krisis ekonomi hanya untuk menyelamatkan negara dan kini beliau mendapati beliau memerlukan lebih masa terhadap perkara lain dalam hidupnya," kata Palanivel.

Katanya calon yang layak akan ditemui dan Dr Mahathir tahu apa yang akan dilakukan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan Datuk Zainuddin Maidin pula yakin Daim akan terus membantu usaha kerajaan memperkukuhkan ekonomi negara kerana tidak mahu melihat apa yang disumbangkannya selama ini terbiar begitu sahaja.

Katanya tidak timbul soal peletakan Daim akan membawa kesan positif atau negatif kepada ekonomi negara kerana ia nampaknya banyak bergantung kepada faktor luaran seperti situasi ekonomi Amerika Syarikat.

Beliau juga mempersoalkan peranan media asing berhubung isu peletakan jawatan menteri kewangan itu memandangkan ada di kalangan mereka yang kini menyatakan Daim tidak seharusnya meninggalkan Kabinet dalam keadaan ekonomi Malaysia sekarang.

-- BERNAMA

MAM MAM RI